



Transformasi Pendidikan Orang Asli di Pedalaman

Rokiah Omar*^{1,2}, Imran Ho Abdullah³, Mohd Azizi Muhamad Radzy², Helmiyah Abdul Razak¹, Nur Hakimah Asnawi¹ & Aisha Nadira Mohd Redzuan²

1 Program Optometri & Sains Penglihatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia

2 Pusat Transformasi Komuniti Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

3 Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Article Info

Received:

14 September 2019

Accepted:

25 September 2019

Publish

01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Pendidikan adalah perkara asas yang harus diterajui oleh setiap lapisan masyarakat bagi memacu pembangunan modal insan dan ekonomi negara. Permasalahan keciciran pendidikan dalam kalangan anak Orang Asli telah memberi impak kepada penduduk yang membawa kepada masalah buta huruf dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Kedudukan geografi Pos Gob yang berada di kawasan paling pedalaman di Semenanjung Malaysia menyukarkan mereka untuk mendapatkan akses pendidikan di sekolah aliran perdana. Masyarakat Orang Asli juga tidak gemar anak mereka terus dihantar ke sekolah pada usia seawal 7 tahun kerana mereka beranggapan usia tersebut masih memerlukan perhatian daripada ibu bapa. Oleh itu, satu pendekatan holistik telah dilaksanakan antara UKM dan CIMB Islamic dengan menubuhkan sebuah Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic yang telah dirasmikan pada 20 Mei 2017 dengan pendekatan membawa 'Sekolah ke Komuniti'. Hasil daripada pembinaan pusat pendidikan komuniti Pos Gob menunjukkan jumlah peningkatan kemasukan murid yang memberangsangkan bermula dengan 24 orang pada tahun 2017, meningkat kepada 38 orang murid pada 2018 dan 26 orang pada tahun 2019. Pencapaian positif juga dapat dilihat apabila anak Orang Asli telah berjaya menguasai konsep 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira dengan lancar. Pusat pendidikan komuniti ini telah berjaya menarik minat mereka untuk ke sekolah aliran perdana dengan seramai 22 orang murid telah didaftarkan di sekolah rendah dan 2 orang menyambung kembali pelajaran di sekolah menengah. Justeru, penubuhan pusat pendidikan ini telah berjaya membuka minda ibu bapa di Pos Gob terhadap kepentingan pendidikan dalam kalangan anak-anak mereka.

Kata kunci: Orang Asli, keciciran pendidikan, pusat pendidikan komuniti

Pengenalan

Pendidikan merupakan hak asasi setiap manusia dan menjadikannya suatu faktor yang mencabar dan kompleks kerana munculnya perubahan gaya hidup dan cabaran persaingan global. Pembangunan modal insan yang menjadi agenda utama nasional dan global telah memberi penekanan dalam aspek pendidikan sebagai usaha untuk meningkatkan kapasiti manusia dalam pelbagai bidang yang diceburi. Kerajaan Malaysia juga tidak terlepas daripada meletakkan kualiti pendidikan sebagai penanda aras kepada pembangunan negara di samping melahirkan masyarakat yang kompetitif, inovatif dan kreatif. Oleh sebab itu, pihak kerajaan telah bertindak memperkenalkan Dasar Pendidikan Wajib bagi semua kanak-kanak di

Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2017). Pelaksanaan dasar ini sejajar dengan harapan kerajaan dalam memastikan setiap rakyatnya berhak untuk diberi peluang dalam memperolehi sekurang-kurangnya pendidikan asas yang merangkumi kebolehan membaca, menulis dan mengira.

Inisiatif kerajaan ini telah meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Malaysia tentang kepentingan pendidikan yang secara tidak langsung membantu dalam memacu pembangunan sosioekonomi negara hasil daripada modal insan yang berdaya saing dan kognitif. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir kumpulan minoriti yang masih lagi terpinggir dan terkebelakang dalam aspek pendidikan, terutamanya dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Pada tahun 2003, hanya 1,869 orang daripada 3,333 murid Orang Asli yang meneruskan persekolahan ke Tingkatan 1 dan selebihnya telah terkandas. Angka ini bertambah pada tahun 2011 apabila seramai 1,270 orang murid Orang Asli tidak meneruskan sesi persekolahan mereka ke peringkat sekolah menengah. Sehingga tahun 2018, terdapat peningkatan jumlah pelajar Orang Asli untuk kemasukan ke sekolah rendah dengan mencatatkan 26,571 orang murid. Namun begitu, hanya separuh daripada jumlah tersebut, iaitu 13,155 pelajar yang meneruskan pelajaran ke peringkat menengah (Kamarudin, 2018). Walaupun prestasi pendidikan anak-anak Orang Asli masih rendah, namun terdapat segelintir mereka yang telah berjaya melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai bidang. Sehingga tahun 2019, terdapat seramai 1,090 pelajar Orang Asli yang sedang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam pelbagai jurusan dan peringkat pengajian, termasuklah Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (Kosmo Online, 2019).

Sejak Rancangan Malaysia ke-10, pelbagai strategi telah digunakan oleh kerajaan untuk memastikan kanak-kanak Orang Asli dapat mengikuti sistem pendidikan arus perdana di sekolah. Dalam hal ini, KPM dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bertanggungjawab akan perihal berkaitan Orang Asli termasuklah dalam aspek memajukan pendidikan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Antara usaha yang dilaksanakan oleh JAKOA adalah dengan menawarkan Skim Bantuan Galakan Pendidikan (Basiswa) kepada pelajar Orang Asli yang miskin dan daif bagi meringankan beban perbelanjaan masyarakat Orang Asli (JAKOA, 2019). Dalam Pelan Strategik JAKOA 2016 – 2020, teras strategik yang ke-3, iaitu membangunkan modal insan masyarakat Orang Asli dan meningkatkan kemahiran belia Orang Asli jelas menunjukkan fokus ke arah kecemerlangan pendidikan masyarakat Orang Asli amat dititikberatkan bagi meningkatkan tahap pendidikan kumpulan minoriti tersebut (JAKOA, 2016). Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) turut berperanan dalam membantu aspek pendidikan masyarakat Orang Asli dengan menubuhkan Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) dan menawarkan Program Ijazah Luar Negara (PILN) dalam usaha untuk mengurangkan masalah keciciran pelajaran anak-anak Orang Asli (KPLB, 2019).

Walaupun pelbagai strategi telah dirangka dan dilaksana oleh pelbagai pihak dalam usaha meningkatkan taraf pendidikan Orang Asli, namun bilangannya masih belum mencapai tahap yang disasarkan disebabkan oleh beberapa faktor fizikal dan sosial (Chin, 2019). Faktor kedudukan geografi petempatan Orang Asli yang kebanyakannya terletak jauh di kawasan pedalaman telah mempengaruhi masalah keciciran anak Orang Asli dalam sistem pendidikan negara (Selvaratnam et al., 2012; Marzuki et al., 2014) disebabkan darjah aksesibiliti kepada kemudahan pendidikan yang rendah. Selain itu, kesukaran komuniti Orang Asli untuk beradaptasi dengan kaum lain, kurikulum sekolah yang tidak sesuai dengan budaya mereka dan sikap ibu bapa (Juli, 2006) serta pandangan negatif terhadap pendidikan dengan beranggapan anak-anak adalah aset ekonomi (Ramle, 2010) turut menjadi punca kepada masalah keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak Orang Asli. Wan Hanafi et al. (2014) juga berpendapat bahawa prestasi pendidikan pelajar Orang Asli berada di peringkat sangat rendah disebabkan oleh sikap ibu bapa yang memandang remeh tentang pelajaran anak-anak, pelajar kurang motivasi, halangan persekitaran fizikal dan budaya mereka.

Analisis berdasarkan data sekunder yang diperoleh daripada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati bahawa lebih daripada 50 peratus penduduk di Cameron Highlands yang tidak mempunyai pendidikan formal (Selvaratnam et al. 2012). Ini menunjukkan bahawa keadaan kewangan dan pencapaian akademik yang kurang memuaskan antara faktor utama mereka tidak meneruskan pendidikan sehingga selesai. Masalah ini menyebabkan generasi muda Orang Asli gagal memajukan diri dalam bidang pendidikan yang menyukarkan mereka untuk berubah, tidak berdaya maju, gagal memperoleh pekerjaan yang baik (Mohd Nor et al., 2018) dan terus dibelenggu dalam kemiskinan (Ramlee et al., 2010). Oleh sebab itu, pendidikan merupakan satu-satunya jalan penyelesaian dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli dan mereka perlu menerima hakikat tersebut sekiranya mereka berkeinginan untuk memajukan hidup mereka ke arah yang lebih baik dan berkualiti serta setanding dengan kaum lain di Malaysia. Dalam hal ini, aksesibiliti kepada kemudahan pendidikan bagi masyarakat Orang Asli, terutamanya yang menetap di kawasan pedalaman perlu diberi penekanan dalam memastikan keperluan pendidikan dan aspek sosial yang lain dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat di setiap pelosok Malaysia.

Penyataan Masalah

Di Malaysia, taburan penduduk masyarakat Orang Asli masih lagi banyak berselerak di kawasan pedalaman dan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kemudahan prasarana sosial dan jaringan pengangkutan yang sempurna. Pos Gob yang terletak di Gua Musang, Kelantan merupakan salah sebuah kawasan perkampungan Orang Asli yang paling pedalaman di Malaysia dengan kemudahan sosial yang terhad dan serba kekurangan. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap komuniti Orang Asli di Pos Gob, mereka menghadapi kesukaran untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah disebabkan oleh pelbagai faktor. Antara faktor utama ialah tahap aksesibiliti anak-anak Orang Asli untuk ke sekolah. Mereka menghadapi masalah jarak kawasan petempatan Pos Gob yang jauh dengan sekolah terhampir, iaitu SK Tohoi yang hampir mencecah 47 km dan tiada pengangkutan yang sesuai untuk mereka berulang-alik.

Pemilihan mod pengangkutan yang sesuai untuk digunakan oleh komuniti Orang Asli di Pos Gob ke sekolah hanyalah dengan menggunakan pengangkutan persendirian, iaitu pengangkutan bermotor. Namun begitu, bukan semua komuniti Orang Asli di kawasan ini mempunyai kenderaan persendirian yang membolehkan mereka menghantar anak-anak ke sekolah berhampiran. Keadaan ini menjadi lebih sukar apabila jalan balak yang digunakan sebagai jalan utama bagi menghubungkan perkampungan Pos Gob ke Pos Tohoi sering rosak. Kedudukan perkampungan Pos Gob yang jauh di pedalaman sangat memberi kesan kepada pendidikan anak-anak Orang Asli di kawasan ini disebabkan kesukaran mendapatkan kemudahan pendidikan. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh SUHAKAM (2010) yang mendapati bahawa ibu bapa menyatakan punca anak-anak mereka tidak ke sekolah kerana masalah pengangkutan dan ketiadaan jalan perhubungan yang sempurna untuk menghubungkan antara kampung dengan sekolah.


Selain itu, ketidaksediaan ibu bapa untuk melepaskan anak-anak yang masih kecil untuk hidup bersendirian di asrama sekolah turut menjadi faktor mereka untuk tidak menghantar anak-anak ke sekolah. Kebanyakan ibu bapa anak-anak Orang Asli di Pos Gob tidak sanggup berpisah dengan anak-anak mereka yang baru berusia 7 tahun. Tambahan pula, 'tragedi Tohoi' yang telah menggemparkan negara pada tahun 2015 yang lalu telah menambahkan lagi kebimbangan ibu bapa untuk membenarkan anak-anak mereka untuk bersekolah asrama. Sehubungan dengan itu, situasi ini boleh mempengaruhi peluang anak-anak Orang Asli untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna. Oleh itu, artikel ini berusaha untuk menganalisis pembangunan ekosistem pembelajaran secara holistik bagi Orang Asli di pedalaman. Artikel

ini turut mengupas pendekatan yang digunakan dalam melahirkan modal insan Orang Asli melalui transformasi pendidikan di Pos Gob.

Kawasan dan Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan di petempatan Orang Asli daripada suku kaum Temiar dalam daerah Gua Musang, Kelantan. Lebih terperinci, petempatan Orang Asli yang dipilih ialah Kampung Orang Asli Pos Gob (Rajah 1) yang berada dalam mukim Bertam Lama/Nenggiri. Jarak kedudukan Pos Gob dengan bandar terdekat, Gua Musang mencecah hampir 92.7 kilometer menjadikan Pos Gob sebagai perkampungan Orang Asli paling pedalaman di daerah Gua Musang. Mengikut tinjauan yang dilakukan pada tahun 2018, didapati bahawa terdapat sebanyak 10 buah perkampungan Orang Asli di Pos Gob yang merangkumi 153 buah keluarga Orang Asli yang terdiri daripada Kampung Gob, Kampung Kacheng, Kampung Berog, Kampung Gaweng, Kampung Guvainch, Kampung Tenau, Kampung Berchap, Kampung Pichong, Kampung Tembaga dan Kampung Chaler. Masyarakat Orang Asli di petempatan ini masih mengamalkan adat dan budaya yang berteraskan animisme, namun terdapat juga sebilangan kecil yang memeluk agama lain, seperti agama Islam dan Kristian.

Kebanyakan gaya hidup komuniti Orang Asli di Pos Gob masih mengamalkan cara hidup secara tradisional dalam aktiviti harian mereka, seperti penanaman padi huma, getah, buah-buahan, sayur-sayuran dan masih bergantung kepada jualan hasil hutan. Komuniti Orang Asli di Pos Gob juga masih bergantung kepada pelbagai jenis tumbuhan hutan untuk digunakan dalam masakan dan perubatan tradisional mereka. Di samping itu, keadaan jalan raya yang digunakan oleh komuniti Pos Gob bagi menghubungkan mereka dengan pekan atau bandar terdekat adalah melalui jalan balak yang sering rosak akibat daripada aktiviti pembalakan.



Rajah 1: Sempadan kawasan kajian Pos Gob, Gua Musang, Kelantan

Satu projek holistik antara UKM dan CIMB Islamic telah dilaksanakan dengan misi membawa sekolah kepada anak-anak Orang Asli di Pos Gob. Konsep 'Sekolah ke Komuniti' yang dibawa daripada jalinan kerjasama ini merupakan satu inisiatif baharu kepada komuniti Orang Asli Pos Gob dalam membantu untuk mengurangkan isu keciciran pendidikan dalam kalangan Orang Asli di pedalaman yang dilihat dapat memberi manfaat kepada komuniti tersebut untuk jangka masa yang panjang. Penduduk kampung telah berjaya menyiapkan bangunan sekolah yang dibina dengan menggunakan bahan-bahan daripada hutan dan telah dirasmikan pada

20 Mei 2017 sebagai Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic (“Sekolah rimba,” ms. 41).



Rajah 2: Penyelidik UKM melakukan temu bual bersama penduduk Pos Gob

Kajian ini melibatkan pengumpulan data primer yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik dari UKM. Oleh itu beberapa teknik kajian dilaksanakan termasuk kaji selidik, pemerhatian dan temu bual (Rajah 2) dengan komuniti Orang Asli telah digunakan. Data ini menjadi asas kepada transformasi pendidikan anak-anak Orang Asli yang terlibat dengan projek kajian ini. Kaji selidik melibatkan komuniti Orang Asli di Pos Gob adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pendekatan terbaik dalam menangani masalah keciciran pendidikan anak-anak mereka.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Perbincangan hasil dapatan kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa aspek, antaranya ialah penubuhan sekolah rimba, penglibatan anak Orang Asli ke sekolah dan tahap pencapaian anak Orang Asli dalam pendidikan.

Penubuhan Sekolah Rimba

Isu keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak Orang Asli Pos Gob telah membuka peluang kepada UKM dengan sokongan CIMB Islamic untuk berkerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk membawa sekolah kepada komuniti Orang Asli di Pos Gob. Hasil kesungguhan penduduk Orang Asli, sebuah bangunan telah berjaya disiapkan yang digelar sebagai sekolah rimba atau dikenali sebagai Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic seperti yang digambarkan dalam Rajah 3. Konsep sekolah rimba yang dibina berhampiran dengan kawasan perumahan Orang Asli ini bertujuan untuk menggalakkan suasana alam semulajadi yang sememangnya dekat dengan kehidupan Orang Asli. Tambahan pula, murid akan lebih mudah menyelesaikan masalah yang mereka lihat dalam kehidupan seharian apabila wujudnya interaksi antara murid dengan alam sekitar yang dapat dijadikan sebagai pengetahuan, panduan dan pengalaman seperti yang dinyatakan oleh Wahab et al., (2013). Tambahan pula, kajian ini mendapati bahawa komuniti di kawasan ini tidak lagi berhadapan dengan masalah mod pengangkutan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Hal ini demikian kerana jarak dari tempat tinggal ke sekolah rimba sangat dekat dan tidak mengambil masa dan kos yang tinggi.



Rajah 3: Anak-anak Orang Asli bergambar bersama tenaga pengajar dalam kalangan belia Orang Asli dan penyelidik UKM di hadapan Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic di Pos Gob, Gua Musang

Penubuhan pusat pendidikan di kawasan ini bertujuan untuk membantu anak-anak komuniti tersebut mendapat pendidikan awal sebelum diserapkan ke sekolah aliran utama. Pusat pendidikan di Pos Gob ini menggunakan program berteraskan Literasi Alaf 21 yang dapat membantu anak-anak Orang Asli mengenal huruf serta membaca dalam masa tiga bulan. Menurut Manukaram et al. (2013), perkembangan dan tabiat pembelajaran anak-anak adalah lebih baik apabila ibu bapa mereka terlibat secara aktif dan berterusan dalam pendidikan mereka sejak awal lagi. Oleh hal yang demikian, belia dan ibu bapa komuniti di kawasan ini telah dilantik sebagai tenaga pengajar, tukang masak dan turut terlibat dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah. Bagi memastikan kelangsungan usaha ini, seramai 8 orang belia telah dipilih dan dilantik sebagai tenaga pengajar, manakala satu jawatankuasa pemegang amanah telah ditubuhkan bagi mengawal selia perjalanan pusat pendidikan ini.


Penglibatan mereka ini berjaya menjadi kunci kepada perubahan dan perkembangan yang positif dalam aspek pendidikan yang seterusnya menyumbang kepada perkembangan sosioekonomi bagi komuniti di kawasan Pos Gob. Hal ini demikian kerana wujudnya peluang pekerjaan hasil daripada pemeraksanaan pengurusan dan pengoperasian dalam memastikan kelestarian pusat pendidikan di Pos Gob. Rentetan daripada itu, komuniti setempat dapat menambah pengetahuan dalam hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran yang seterusnya membuka peluang kepada mereka untuk berdikari dalam mengembangkan kemahiran baharu yang ada dan menurunkannya kepada generasi muda untuk mengelolakan sesebuah operasi pada masa akan datang. Kesimpulannya, penerimaan dan kesungguhan komuniti Orang Asli dalam melibatkan diri dengan penubuhan pusat pendidikan ini secara langsung telah menunjukkan komuniti Orang Asli di kawasan ini semakin terbuka untuk menerima sebarang perubahan dan mula menitikberatkan aspek pendidikan anak-anak mereka.

Bilangan Murid Orang Asli Berdaftar di Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic

Hasil daripada pembinaan Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic Pos Gob, jumlah kemasukan murid menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan sejak penubuhannya pada tahun 2017. Berdasarkan Rajah 4, jumlah anak-anak Orang Asli yang mendaftar masuk ke pusat pendidikan komuniti bermula dengan 24 orang pada tahun 2017, kemudian terdapat pertambahan 14 orang murid baharu menjadikan bilangan murid seramai 38 orang pada tahun 2018. Namun begitu, tahun 2019 mencatatkan jumlah murid seramai 26 orang, iaitu penurunan sebanyak 32 peratus daripada tahun sebelumnya. Hal ini demikian kerana seramai 26 orang murid telah berjaya didaftarkan ke sekolah aliran perdana sejak tahun 2017 dengan

2 orang murid menyambung kembali pelajaran di SMK Tengku Indera Petra 1, Gua Musang, Kelantan. Sementara itu, seramai 10 orang murid telah bersekolah di Seremban dan Melaka serta 14 orang murid lagi telah ditempatkan di SK Kuala Betis pada 25 Februari 2019 (Ayub, 2019).

Kemasukan murid Orang Asli Pos Gob ke sekolah aliran perdana ini menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan apabila mereka sudah mula bersedia untuk menerima perubahan dan mempamerkan prestasi yang semakin baik. Dalam hal ini, galakan dan sokongan yang berterusan daripada ibu bapa Orang Asli ini memainkan peranan penting dalam menyuntik semangat kepada anak-anak mereka untuk mendaftar dan kekal belajar di pusat pendidikan tersebut.



Rajah 4: Statistik kemasukan murid ke Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic Pos Gob

Pencapaian 3M murid Orang Asli

Selaras dengan objektif projek ini dalam menangani permasalahan keciciran pendidikan anak-anak Orang Asli di Pos Gob, pusat pendidikan ini menumpukan pengajaran dan pembelajaran dalam tiga segmen utama, iaitu mengenal huruf, menguasai suku kata dan membaca. Oleh itu, murid-murid Orang Asli Pos Gob telah dibahagikan kepada 3 kelas mengikut peringkat pembelajaran, iaitu mengenal huruf (Kelas 1), mengeja suku kata (Kelas 2) dan membaca (Kelas 3) yang berlangsung dari jam 8.30 pagi sehingga 12.00 tengahari. Berdasarkan analisis kerja lapangan pada November 2018, penyelidik UKM mendapati bahawa seramai 13 orang murid telah berjaya mengenal huruf dengan lancar, diikuti dengan 11 orang yang telah mahir mengeja dan 1 orang yang fasih membaca.

Menurut tenaga pengajar di pusat pendidikan tersebut, mereka telah mempraktikkan penggunaan media pembelajaran interaktif sebagai salah satu kaedah pembelajaran dan pengajaran (P&P) mereka. Salah satunya ialah mereka mengajar *alphabet/phonic sound* dengan menunjukkan klip video di YouTube menerusi telefon pintar. Kepelbagaian teknik dan pendekatan yang menarik sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran ini dilakukan adalah untuk menarik minat murid, mengekalkan perhatian mereka di dalam kelas dan juga membangkitkan rasa ingin tahu mereka. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada tenaga pengajar dan murid dalam mewujudkan suasana pendidikan yang

menarik dan seimbang yang dilihat mampu mempengaruhi dalam peningkatan prestasi murid-murid Orang Asli walaupun proses tersebut memakan masa yang panjang.



Rajah 5: Impak dan pencapaian murid Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic Pos Gob

Pada 25 Februari 2019, seramai 14 orang pelajar dari Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic Pos Gob telah kembali ke sekolah arus perdana yang telah ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis dan 2 orang pelajar telah berdaftar di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Indra Petra, Gua Musang, Kelantan, manakala 4 orang pelajar ke Sekolah Mubaligh di Melaka dan Seremban. Mereka kini sedang belajar di sekolah di bawah KPM, dipantau oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah, Gua Musang dan pakar-pakar dari UKM.

Kesimpulan

Pembinaan sebuah pusat pendidikan komuniti ini telah berjaya menghasilkan sebuah transformasi pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di pedalaman Pos Gob. Penubuhan pusat pendidikan ini menerima maklum balas yang sangat positif daripada komuniti setempat. Melalui pendekatan membawa 'Sekolah ke Komuniti', murid-murid yang terdiri daripada anak-anak Orang Asli berumur lima sehingga sembilan tahun mampu memperolehi pendidikan asas yang baik seperti kanak-kanak yang lain. Tujuan penubuhan pusat pendidikan Pos Gob ini adalah untuk menarik minat dan membuka minda masyarakat Orang Asli tentang pentingnya pendidikan dalam kehidupan mereka. UKM dan CIMB Islamic amat yakin bahawa pusat pendidikan komuniti ini telah berjaya menterjemahkan konsep *zero to hero* yang seterusnya mampu mengubah perspektif dan taraf hidup komuniti Orang Asli di Pos Gob, Gua Musang. Kelangsungan program ini juga telah menyuntik semangat mereka untuk memperbaiki kualiti hidup mereka ke arah yang lebih baik.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih atas sumbangan dana penyelidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia Geran Universiti Penyelidikan AP-2017-004/3 serta CIMB Islamic atas sumbangan Dana Projek Komuniti AKU 211. Sekalung penghargaan kepada Rescue Adventure Team (RAT) memberi bantuan pengangkutan 4x4 untuk ke Pos Gob, Encik Fauzi Hamzah, Encik Fairuz Mohd Rafdzi, Encik Muhammad Hasrol Mustapha, Encik Mohd Hasrul Muhamad dan juga kepada semua yang memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan projek komuniti ini.

Rujukan

- Ayub, H. (2019, Mac 20). Memperkasa Pendidikan Anak Orang Asli . *Utusan Online*. Dicapai daripada <https://www.utusan.com.my/mega/agama/memperkasa-pendidikan-anak-orang-asli-1.865157>
- Chin, C. (2019, Mac 24). Getting the kids back in school. *The Star*. Dicapai daripada <https://www.thestar.com.my/news/education/2019/03/24/getting-the-kids-back-in-school>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli [JAKOA]. (2019). Skim Bantuan Galakan Pendidikan (Biasiswa). Dicapai pada Ogos 2, 2019 daripada <http://www.jakoa.gov.my/skim-bantuan-galakan-pendidikan-biasiswa/>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). *Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016 – 2020*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Juli, E. (2006). Retorik pembangunan Orang Asli. Dalam Mohd Fauzi Yaacob (Ed), *Malaysia menangani perubahan dan pembangunan*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamarudin, K. (2018, Sept 3). Keciciran pelajar Orang Asli masih serius. *Bernama*. Dicapai daripada <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1638634>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar pendidikan kebangsaan*, Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kosmo Online. (2019, April 22). Usaha tingkat pendidikan Orang Asli agenda utama kerajaan – Mahathir. *Kosmo Online*. Dicapai daripada <https://www.kosmo.com.my/terkini/usaha-tingkat-pendidikan-orang-asli-agenda-utama-kerajaan-mahathir-1.886782>
- Manukaram, K., Abdullah, M.N.L.Y. dan Hasan, S. (2013). Pengaruh Faktor Keluarga Terhadap Pembelajaran Regulasi Kendiri Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 10, 179-201.
- Marzuki, M., Mapjabil, J. dan Zainol, R. M. (2014). [Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah](#). *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space* 10 (2), 189-198.
- Mohd Nor, M., Sukimi, M. dan Mohd Nor, M. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 14 (1), 72-86.
- Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Luar Bandar [KPLB]. (2019). Program ijazah luar negara Orang Asli. Dicapai pada Ogos 2 daripada <http://www.rurallink.gov.my/program-ijazah-luar-negara-orang-asli/>
- Ramle, A. (2010). Keciciran pendidikan murid Orang Asli: Kajian kes di Negeri Terengganu. *Prosiding Seminar Internasional Perbandingan Sistem Pendidikan Indonesia dan Malaysia*.
- Ramlee, M., Mustaffa, O., Syed Najmuddin, S.H., Ruhizan, M.Y. dan Norani, M.S. (2010). Human capital development of Orang Asli youth: Supportive and suppressive factors. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 7, 592-600.
- Sekolah rimba terap minat belajar. (2017, Mei 22). *Sinar Harian*, ms. 41.
- Selvaratnam, D.P., Jaafar, A.B., Saleh, N.H.M., Othman, R. dan Idris, S.H. (2012). Transformasi modal insan melalui peningkatan pendidikan: Kajian kes komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. *Prosiding PERKEM VII*, Jilid 2, 1215-124.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia [SUHAKAM]. (2010). *Laporan Status Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli*. Kuala Lumpur: RDA Press Sdn. Bhd., Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 14-19.
- Wahab, N. B. B. A., Mohameda, M., Hassana, A., & Haronb, M. N. (2013). Penerapan elemen sekolah rimba Malaysia dalam kalangan murid Orang Asli. In *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, organised by Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia at KSL Hotel & Resort, Johor Bahru, 424-432.

Wan Hanafi, W.A., Ahmad, S. dan Ali, N. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 10 (5), 107-122.